

30 banduan Myanmar cuba lari ke Thailand

BERITA HARIAN 18/9/18 m/s 71

➔ Pihak berkuasa sekat semua laluan mungkin ke negara itu

Yangon

Lebih 30 banduan yang berjaya lari dari sebuah penjara di Myanmar mungkin cuba untuk masuk ke Thailand, kata seorang pegawai, semalam. Tindakan itu mungkin dilakukan sehari selepas banduan terbabit merampas lori sampah dan merempuh pintu pusat tahanan untuk melarikan diri. Banduan terbabit lari dari penjara



Banduan lari penjara Hpa-An di timur Karen tidak jauh dari sempadan Thailand.

Hpa-An di negeri timur Karen, bersempadan Thailand pagi kelmarin.

Penduduk ketakutan

Media rasmi memaklumkan, 10 daripada 41 banduan berjaya ditahan semula ketika polis memburu baki tahanan di beberapa perkampungan berdekatan.

Berita banduan berjaya melarikan diri itu menimbulkan ketakutan kepada penduduk kampung, kata pegawai tempatan, Khin Thet Mar.

"Banduan yang lari tiada makan atau wang untuk dibelanjakan justeru, penduduk beranggapan mereka akan diugut membantu tahanan itu.

"Mereka juga mungkin cuba bersembunyi di Thailand tetapi pihak berkuasa berusaha menahan mereka dengan menyekat laluan mungkin ke sana," katanya.

Lori sampah yang digunakan banduan sudah ditemui tersekat di satu kawasan berlumput sejauh

200 kilometer menuju ke sempadan Thailand, kata akhbar *The Global New Light of Myanmar*.

Laporan mengatakan, ketua banduan terbabit diijazati hukuman penjara seumur hidup tanpa parol atas tuduhan mengedar dadah, memiliki senjata api haram dan cubaan membunuh.

"Secara keseluruhan, 29 daripada 41 banduan sudah diijazati hukuman sementara 12 lain sedang dibicarakan," kata Thet Mar. **AFP**